

# MAJLIS PENGHARGAAN STAF PERPUSTAKAAN UTM



## Majlis Penghargaan Staf Perpustakaan UTM

Sebagai usaha menghargai staf yang cemerlang di peringkat Jabatan, PUTM telah mengadakan Majlis Penghargaan Staf Perpustakaan UTM bertempat di Dewan Banquet, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru, Johor.

Majlis yang diadakan pada jam 2.00 petang meraikan seluruh warga kerja PUTM Johor Bahru yang terdiri daripada staf dari PSZJB, PRZS dan Perpustakaan Fakulti. Tahun 2019 merupakan tahun kedua majlis ini diadakan sebagai usaha positif untuk menganugerahkan staf PUTM yang turut menunjukkan prestasi cemerlang selain Anugerah Khidmat Cemerlang, Citra Karisma anjuran UTM.

BPSK amat berbangga di atas kecemerlangan tiga (3) orang staf daripada Bahagian ini yang telah dianugerahkan Anugerah Staf Berdedikasi bagi pencapaian cemerlang mereka sepanjang 2018. Antara penerima anugerah yang terpilih daripada BPSK adalah :

- Pn. Haslina Hussin – Pustakawan Kanan, Unit Pengurusan Teknikal.
- Pn. Muzanni Subakhir – Pembantu Pustakawan, Unit Pengurusan Teknikal.
- Pn. Rohayu Mohamad Hatim - Pembantu Pustakawan, Unit Perolehan Bahan.

Manakala seorang staf telah menerima Anugerah Kehadiran Cemerlang.

- En. Mohd. Asyik Sanusi - Pembantu Pustakawan, Unit Perolehan Bahan.

Semoga kesungguhan staf yang telah berjaya merangkul anugerah ini menjadi motivasi kepada staf lain di Bahagian ini untuk sama-sama berusaha meningkatkan kualiti kerja serta kecemerlangan prestasi individu sebagai staf yang sentiasa beriltizam untuk terus maju dan berdedikasi. Tahniah kepada semua yang terpilih!





